



20 FEB, 2025

Cadangan jadual tarif baharu elektrik dimuktamad

Sinar Harian, Malaysia



Cadangan jadual tarif baharu elektrik dimuktamad

KUALA LUMPUR - Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (Petra) bersama Suruhanjaya Tenaga (ST) sedang memuktamadkan cadangan jadual tarif baharu elektrik yang akan dilaksanakan bermula pada 1 Julai ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, tarif baharu elektrik itu akan dilaksanakan dengan mengambil kira input dan pandangan pihak berkepentingan yang diperoleh menerusi sesi libat urus pada 13 Januari serta 5 Februari lalu.

“Kementerian memberi jaminan bahawa penetapan tarif elektrik di Semenanjung dan Kulim Hi-Tech Park (KHTP) akan mengambil kira semua aspek termasuk kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

“Hal ini bagi memastikan 85 peratus pengguna domestik di Semenanjung serta pengguna dalam kategori perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) terus kekal dilindungi,” katanya.

Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air itu berkata demikian pada sesi penggulungan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja bagi Petra di Dewan Rakyat pada Rabu setelah dibahas 53 ahli Parlimen.

Beliau berkata, sebanyak 136 projek tebatan banjir dengan kos RM22.86 bilion diluluskan hingga Rolling Plan Kelima (RP5) Rancangan Malaysia ke-12.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, 35 projek dalam peringkat prapelaksanaan, manakala 73 projek sedang dilaksanakan.

“Melalui pendekatan bukan struktur, Petra melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menyediakan pelan induk tebatan banjir di seluruh Malaysia secara berperingkat bertujuan menyediakan pelan tindakan dan penyelesaian banjir secara menyeluruh,” katanya.

- *Bernama*